Subramaniam a/l Ramachandran lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-30 TAHUN 2010/2011 DAN 42S-31–10 TAHUN 2010
AHMAD NASFY PK
8 OGOS 2012

Imigresen — Kesalahan — Akta Imigresen 1959/63 — Dakwaan eksploitasi dan penderaan — Akta Antipemerdagangan Orang 2007 s 12 — Inti pati s 55B Akta Imigresen 1959/63 — Sama ada dipenuhi — Kebolehterimaan dakwaan yang bercanggah antara satu sama lain — Beban menyangkal isu aktiviti haram dan penindasan

Perayu menjalankan perniagaan katering dan tiga laporan polis telah dibuat terhadap perayu ('eksh P22') mengenai dakwaan tiga orang warga Indonesia berkenaan eksploitasi dan penderaan oleh perayu, sebagai majikan, terhadap mereka. Pihak pendakwaan telah mengemukakan tiga rakaman percakapan mangsa-mangsa ('eksh P21'). Di akhir kes pendakwaan di mahkamah sesyen, perayu telah dijatuhkan hukuman bagi tiga pertuduhan di bawah s 12 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('ATIP') bagi kesalahan mengambil pekerja yang tidak memiliki pas yang sah. Sebagai pembelaan, peguambela perayu membangkitkan bahawa inti pati s 55B Akta Imigresen 1959/63 ('Akta') memerlukan pihak pendakwaan membuktikan bahawa perayu telah mengambil mereka bekerja di mana pekerja-pekerja tersebut tidak memiliki pas yang sah. Seterusnya, dihujahkan lagi bahawa keterangan ketiga-tiga penama dalam rakaman eksh P21 jelas bercanggah antara satu dengan yang lain. Peguambela perayu juga menambah bahawa hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mereka meletakkan beban kepada perayu untuk menyangkal isu pekerjaan katering adalah satu isu *illegal activity* dan satu penindasan. Isu-isu yang dipertikaikan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan di peringkat rayuan di Mahkamah Tinggi adalah berkisar sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan di bawah s 55B(1) Akta bahawa perayu telah mengambil pekerja dan pekerja tersebut tidak memiliki pas yang sah; sama ada eksh P21 yang diambil di bawah ATIP boleh diterima masuk sebagai keterangan bagi menyokong kes pendakwaan di bawah s 55B Akta; sama ada unsur-unsur eksploitasi seperti buruh paksaan atau perkhidmatan telah dibuktikan di bawah s 12 ATIP.

Diputuskan, membenarkan rayuan dan mengetepikan sabitan dan hukuman:

(1) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa penama Manja Yeni dan Firawati telah melakukan tugas-tugas sebagai pekerja perayu dan majikan mereka adalah perayu. Oleh itu anggapan di bawah s 55(4)

Akta tidak dapat diaktifkan *Public Prosecutor v Ooi Seng Huat* [1968] 2 MLJ 168 dirujuk (lihat perenggan 21). A

(2) Hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf apabila memasukkan bukan inti pati pertuduhan yang harus diambil kira di bawah s 55B Akta dan meletakkan beban kepada perayu untuk menyangkal kedua-dua isu tersebut. Dapatan fakta tersebut telah menyimpang dari prinsip undang-undang *Alcontara a/l Ambrose Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209 dirujuk (lihat perenggan 22). B

(3) Seksyen 52 ATIP hanya membenarkan kemasukan keterangan penama-penama tersebut sebagai bukti keterangan terhadap prosiding yang melibatkan pertuduhan di bawah ATIP sahaja dan bukannya di bawah kesalahan atau prosiding yang melibatkan akta-akta lain. Hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf apabila membuat dapatan fakta bahawa pihak pendakwaan boleh bergantung kepada eksh P21 yang dirakam menurut s 52 ATIP kerana seksyen tersebut tidak mempunyai perkataan 'only/hanya' (lihat perenggan 24). C D

(4) ATIP bukanlah satu 'general act to which all other act' perlu mengikuti peruntukan di bawah Akta tersebut jika wujudnya *lacunae*. ATIP berlainan dengan Kanun Acara Jenayah ('KAJ') yang mana peruntukan di bawah KPJ boleh diguna pakai sebagai undang-undang prosedur umum untuk kesalahan di bawah Akta-Akta spesifik. Sebaliknya, s 40A Akta adalah suatu pruntukan khas yang memberi kuasa kepada pihak pendakwaan untuk mengambil deposisi saksi-saksi di bawah sebarang kesalahan Akta dan bukannya peruntukan yang boleh digunakan di bawah ATIP (lihat perenggan 25). E F

(5) Tuan HMS telah menyimpang daripada niat Parlimen apabila menyamakan Akta dengan ATIP. Akta 'is not in relation to the laws of human trafficking'. Tiada mana-mana peruntukan dalam Akta yang menyatakan bahawa Akta tersebut dibuat untuk membanteras atau mencegah pemerdagangan orang. Malah ketiga-tiga pertuduhan di bawah ATIP tidak menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan ada kena mengena dengan perlanggaran peruntukan atau kesalahan di bawah Akta. Ekshibit P21 ditolak daripada diterima masuk sebagai keterangan menyokong pertuduhan di bawah s 55B Akta (lihat perenggan 26–27). G H

(6) Tiada di mana-mana di dalam eksh P21 yang menunjukkan bahawa penama-penama tersebut telah dipaksa atau diugut secara kekerasan supaya melakukan kerja-kerja yang telah dipersetujui mereka. Hakim mahkamah sesyen menerima fakta bahawa penama-penama tidak dibayar gaji sebagai pembuktian 'forced labour or services, slavery or practices similar to slavery'. Malah beliau telah membuat dapatan fakta bahawa kegagalan membayar gaji merupakan suatu perlanggaran di I

bawah ss 10,18, 19, 60A dan 60K Akta Pekerja 1955. Isu pelanggaran di bawah Akta Pekerja 1955 tidak termasuk dalam inti pati pertuduhan (lihat perenggan 33).

(7) Pihak pendakwaan gagal mengemukakan tiga saksi pekerja-pekerja India yang bekerja dengan perayu. Keterangan ketiga-tiga saksi tersebut adalah material sama ada untuk menyokong atau menyangkal keterangan yang diberikan oleh ketiga-tiga penama tersebut. Tiada bukti yang menunjukkan 'reasonable effort that was taken by the prosecution/police to locate these witnesses'. Malah, pihak pendakwaan juga tidak menawarkan rakaman percakapan mereka memandangkan saksi-saksi tersebut tidak dapat dikesan. Dengan itu, inferens yang bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 telah ditimbulkan dalam kes ini atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi tersebut (lihat perenggan 35).

[English summary

The appellant runs the business of catering and three police reports were lodged against the appellant ('exh P22') on allegation by three Indonesian nationals regarding the exploitation and abuse committed by the appellant, as the employer, against them. The prosecution presented three recordings of the victims' conversations ('exh P21'). At the end of the prosecution's case at the sessions court, the appellant was sentenced for three charges under s 12 of the Anti-Trafficking in Persons and Anti Smuggling of Migrants Act 2007 ('ATIP') for the offence of employing employees who did not possess valid pas. In defence, the appellant's counsel raised that the essence of s 55B of the Immigration Act 1959/63 ('the Act') required the prosecution to prove that the appellant had employed them whereby the employees did not possess valid passes. Further, it was contended that the evidence of all the three persons named in the recording of exh P21 clearly contradicted one another. The appellant's counsel also added that the sessions court judge had erred in law and in facts when they imposed the burden on the appellant to rebut the issue that catering job was an issue of illegal activity and was an oppression. The issues that were disputed by the prosecution and the defence at the appellate stage in the High Court was about whether the prosecution had proven under s 55B(1) of the Act that the appellant had employed and the employees possessed valid passes; whether exh P21 which was recorded under the ATIP was admissible as evidence to corroborate the prosecution's case under s 55B of the Act; whether there were elements of exploitation such as forced labour or services proven under s 12 of the ATIP.

Held, allowing the appeal and setting aside the conviction and sentence:

(1) The prosecution had failed to prove that the persons by the name of Manja Yeni and Firawati had worked as the appellant's employees and their employer was the appellant. Therefore the presumption under

s 55(4) of the Act could not be activated *Public Prosecutor v Ooi Seng Huat* [1968] 2 MLJ 168 referred (see para 21).

(2) The sessions court judge had erred when he stated that it was not the essence of the charge that ought to be considered under s 55B of the Act and imposed the burden on the appellant to rebut both the issues. The finding of facts had deviated from the principles of law *Alcontara a/l Ambrose Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209 referred (see para 22).

(3) Section 52 of the ATIP only allowed the admissibility of the evidence of the named persons as the proof of evidence against the proceedings which involved the charges under the ATIP only and not for the offence or proceedings involving other Acts. The sessions court judge had erred when he made a finding of facts that the prosecution could rely on exh P21 which was recorded pursuant to s 52 of the ATIP as the section did not contain the word 'only/hanya' (see para 24).

(4) ATIP was not a general Act to which all other Act which must follow the provision under the Act if there was lacunae. ATIP was different from the Criminal Procedure Code ('CPC') whereby the provisions under the CPC could be applicable as general procedural law for offence under the specific Acts. On the other hand, s 40A of the Act is a special provision which gives power to the prosecution to take deposition of the witnesses under any offence of the Act and not a provision which could be used under ATIP (see para 25).

(5) The sessions court judge had deviated from the intention of the Parliament when he equated the Act with the ATIP. The Act 'is not in relation to the laws of human trafficking'. There was no provision in the Act which stated that the Act was made to eradicate or prevent human trafficking. In fact, all the three charges under the ATIP did not state that the offence committed was in relation to the breach of the provision or offence under the Act. Exhibit P21 was rejected from being admitted as corroborative evidence under s 55B of the Act (see paras 26–27).

(6) There was nothing in exh P21 that showed that the persons named had been forced or threatened using violence to do works that they have agreed to. The sessions court judge admitted the facts that the named persons were not paid the salary as the proof of forced labour or services, slavery or practices similar to slavery. In fact, he had made the finding of facts that the failure to pay the salary was a breach under ss 10,18, 19, 60A and 60K of the Employment Act 1955. The issue of breach under the Employment Act 1955 was not included in the essence of the charge (see para 33).

(7) The prosecution had failed to present as witnesses three Indian workers who worked with the appellant. The evidence of the three witnesses was

material in whether to support or rebut the evidence given by the three named persons. There was no evidence to show that reasonable effort that was taken by the prosecution/police to locate these witnesses. Further, the prosecution also did not offer the recordings of the conversation as the witnesses could not be traced. Therefore, adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act was invoked in this case on the prosecution's failure to call the witnesses (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai Akta Imigresen 1959/63, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 4672.

Kes-kes yang dirujuk

Alcontara a/l Ambrose Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209, MP (dirujuk)
Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389, MP (dirujuk)
Goh Chong Ying v PP [1989] 2 MLJ 334, MT (dirujuk)
Krishnan v PP [1987] 1 MLJ 292, MA (dirujuk)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137, MA (dirujuk)
PP v Lee Jun Ho & Ors [2009] 3 MLJ 400; [2009] 4 CLJ 90, MT (dirujuk)
PPr v Muhammad Nasir bin Shaharuddin & Anor [1994] 2 MLJ 576, MT (dirujuk)
PP v Ooi Seng Huat [1968] 2 MLJ 168 (dirujuk)
PP v Rajandran a/l Kadirveil [2002] 7 MLJ 77, MT (dirujuk)
Sia Soon Suan v PP [1966] 1 MLJ 116, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ss 2, 5, 12, 16, 33, 52, 52(6)
Akta Imigresen 1989/63 ss 40A, 55(4), 55B, 55B(1)
Akta Keterangan 1950 ss 32, 32(1)(i), 114(g)
Akta Pekerja 1955 ss 10,18, 19, 60A, 60K
Kanun Acara Jenayah s 422

Salehuddin Saidin (Salehuddin Saidin & Associates) bagi pihak perayu.
Maziyah bt mansor (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Kecil Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Ahmad Nasfy PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu/tertuduh terhadap sabitan dan hukuman oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen di Kuala Kangsar ('Tuan HMS') yang diberikan pada 20 September 2011 iaitu masing-masing atas tiga pertuduhan

di bawah s 55B Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan tiga pertuduhan di bawah s 12 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670). Perayu telah dijatuhkan dengan hukuman berikut:

(a) tiga pertuduhan di bawah s 55B Akta Imigresen, masing-masing didenda RM20,000 dan jika gagal bayar, enam bulan penjara serta kos pendakwaan sebanyak RM10,000 dan hendaklah dibayar dalam masa tujuh hari dan jika gagal hukuman penjara tiga bulan; dan

(b) tiga pertuduhan di bawah s 12 Akta Antipemerdagangan orang 2007 ('ATIP') masing-masing dijatuhkan hukuman tujuh tahun penjara dari tarikh hukuman dan ketiga-tiga hukuman berjalan dari tarikh hukuman.

[2] Pertuduhan-pertuduhan adalah seperti berikut:

Pertuduhan bagi kes 83–214 Tahun 2009

(a) Pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu diantara 23/10/2007 hingga 02/06/2009, bertempat di No. 118, Lorong 4 Taman Headwood, Sungai Siput Utara, di dalam Daerah Sungai Siput Utara, di dalam Negeri Perak, telah didapati mengambil pekerja yang tidak memiliki pas yang sah untuk Manja Yeni No.Pasport AK 550006. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan 2002)

(b) Pertuduhan kedua:

> Bahawa kamu diantara 23/10/2007 hingga 02/06/2009, bertempat di No.118, Lorong 4 Taman Headwood, Sungai Siput Utara, di dalam Daerah Sungai Siput Utara, di dalam Negeri Perak, telah didapati mengambil pekerja yang tidak memiliki pas yang sah untuk Atik Kusmiati No. passport AK 550005. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 55B Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan 2002).

(c) Pertuduhan ketiga:

> Bahawa kamu diantara 23/10/2007 hingga 02/06/2009, bertempat di No.118, Lorong 4 Taman headwood, Sungai Siput Utara, di dalam Daerah Sungai Siput Utara, di dalam Negeri Perak, telah didapati mengambil pekerja yang tidak memiliki pas yang sah untuk Firawati Iswahyu Ningdiyah No.Pasport AL 076842. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan 2002).

Pertuduhan bagi kes 62–45 Tahun 2009

(a) Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu diantara 23/10/2007 hingga 02/06/2009, bertempat di No.118, Lorong 4 Taman Headwood, Sungai Siput Utara, di dalam Daerah Sungai Siput Utara, di dalam Negeri Perak, telah didapati memperdagangkan orang yang bukan merupakan kanak-kanak bagi maksud exploitasi terhadap Manja Yeni No. Pasport AK 550006. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu eksalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12 Akta Anti pemerdagangan orang 2007 (Akta 670).

(b) Pertuduhan kedua:

Bahawa kamu di antara 23/10/007 hingga 02/06/2009, bertempat di No.118, Lorong 4 Taman Headwood, Sungai Siput Utara, di dalam Daerah Sungai Siput Utara, di dalam Negeri Perak, telah didapati memperdagangkan orang yang bukan merupakan kanak-kanak bagi maksud exploitasi terhadap Atik Kusmiati no. pasport AK 550005. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12 Akta Anti pemerdagangan orang 2007 (Akta 670).

(c) Pertuduhan ketiga:

Bahawa kamu diantara 23/10/2007 hingga 02/06/2009, bertempat di No. 18, Lorong 4 Taman headwood, Sungai Siput Utara, di dalam Daerah Sungai Siput Utara, di dalam Negeri Perak, telah didapati memperdagangkan orang yang bukan merupakan kanak-kanak bagi maksud exploitasi terhadap Firawati Iswahyu Ningdiyah No. Passport AL 076842. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12 Akta Anti pemerdagangan orang 2007 (Akta 670).

[3] Perayu mengaku tidak bersalah terhadap keenam-enam pertuduhan tersebut dan minta dibicarakan. Di akhir kes pendakwaan Tuan HMS memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie atas enam pertuduhan tersebut terhadap perayu. Seterusnya diakhir kes pembelaan Tuan HMS mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membukti semua enam pertuduhan tersebut melampaui keraguan yang munasabah. Perayu telah disabitkan.

KES PENDAKWAAN

[4] Pada 16 Disember 2009 perayu telah dituduh di Mahkamah Majistret Sungai Siput atas tiga pertuduhan di bawah s 55B(1) Akta Imigresen 1989/63 (Pindaan 2002) dan didaftarkan atas No 83–214 Tahun 2009. Kemudian perayu menghadapi tiga pertuduhan lagi di bawah s 12 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('ATIP') di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar dan didaftar atas No 62–45 Tahun 2009.

[5] Pada 19 Januari 2010 timbalan pendakwa raya terpelajar telah memohon

supaya kes No 83–214 Tahun 2009 dipindah ke Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar untuk dibicarakan bersama dengan kes 62–45 Tahun 2009. Permohonan tersebut telah dibenarkan. Sebelum perbicaraan pada 19 Januari 2011 pihak pendakwaan telah mengemukakan tiga orang saksi dihadapan Tuan Majistret di Mahkamah Sungai Siput bagi tujuan merakam percakapan mengikut s 52 ATIP.

Rakaman percakapan tersebut selesai pada 12 Julai 2010 dan selepas itu barulah perbicaraan bagi kedua-dua kes dimulakan dan tamat pada 16 Mac 2011.

[6] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai enam orang saksi memberi keterangan di samping mengemukakan tiga rakaman percakapan mangsa ('eksh P21). Secara ringkas keterangan yang dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) SP4, Insp Noraishah bt Kassim telah membuat laporan polis iaitu Sg Siput Repot 1570/09 ('eksh P22') mengenai hasil siasatan ke atas tiga warga Indonesia yang mendakwa berlaku eksploitasi oleh majikan ke atas mereka. Tiga mangsa tersebut telah membuat tiga laporan polis berasingan iaitu oleh Manja Yeni No SSU 1503/09 ('eksh P10'), Firawati No SSU 1525/09 ('eksh P19') dan Atik No SSU 1524/09 ('eksh P23'). SP4 seterusnya telah camkan gambar tiga mangsa tersebut iaitu Manja Yeni ('eksh P9'), Firawati ('eksh P18A-C') dan Atik ('eksh P20A–B'). Siasatan dijalankan di bawah ATIP atas dakwaan mangsa yang mereka telah didera oleh majikan. Hasil siasatan telah diserah oleh SP4 kepada pegawai penyiasat Insp Jaluzulham ('SP6') untuk tindakan lanjut;

(b) menurut SP6, selepas menerima satu laporan pengeksploitasian ke atas tiga warga Indonesia tersebut, beliau terus pergi ke tempat kejadian dengan dipandu arah oleh tiga mangsa sendiri ke sebuah rumah di Taman Headwood Sg Siput. Gambar tempat kejadian ('eksh P5') telah dirakamkan oleh LKpl Faizam dan SP6 juga telah melakar rajah kasar ('eksh P27A–B dan P27K');

(c) hasil siasatan ialah ketiga-tiga warga Indonesia tersebut berada di Malaysia sebagai orang gaji sepertimana tercatit dalam pas lawatan mereka ('eksh P25A-C') dan paspot ('eksh P24A-C'). Majikan mereka bernama Subramaniam ('OKT'). Dalam pas lawatan mereka ada disebut 'employ as maid in sector domestic helper'. Ketiga-tiga mereka telah menyerahkan baucher, resit bayaran gaji dan slip bank, yang masing-masing diekshibitkan sebagai P1–P4 (kepunyaan Atik). P6 dan P7 (kepunyaan Manja Yeni) dan P17 (kepunyaan Firawati). Majikan mereka menjalankan perniagaan catering atas nama Syarikat Siva Sakhti Catering. Salinan pendaftaran syarikat diekshibitkan P28A–C;

(d) pada 5 Jun 2009 jam 6 petang Subramaniam iaitu majikan kepada ketiga-tiga warga Indonesia tersebut telah ditangkap seperti mana repot tangkapan eksh P29;

(e) pada 9 Mac 2010, Tuan Majistret Shahril Anuar ('SP1') telah merakam percakapan Atik Kusmiati sebagai SP1, Manja Yani SP2 dan Firawati SP3. Prosiding rakaman percakapan tersebut diteruskan oleh Tuan Majistret Ahmad Shamil Azad ('SP2') selepas SP1 bertukar ke Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 3 Mei 2010. Rakaman percakapan ('eksh P21') dirakam oleh SP1 sehingga ms 46. Kemudian diteruskan oleh SP2 sehingga ms 64; dan

(f) SP5, Wan Mohamed Zuhdi bin Wan Hassan, Penolong Pengarah Imigresen, telah mengesahkan bahawa pas Lawatan atas penama Firawati ('eksh P25A'), Manja Yeni ('eksh P25B') dan Atik ('eksh P25C') telah dikeluarkan oleh pejabat Imigresen Ipoh. Mereka mempunyai permit kerja yang sah sebagai pembantu rumah majikan atau *maid* menjaga rumah dan anak-anak majikan.

KES PEMBELAAN

[7] Dalam keterangan membela diri, perayu menyatakan bahawa beliau menjalankan perniagaan catering atas nama Syarikat Siva Sakhti Catering. Perayu telah mengambil tiga warga Indonesia bernama Manja Yeni, Atik dan Fira sebagai pembantu. Tugas mereka ialah membantu memotong sayuran, mencuci pinggan mangkuk dan bekas masakan. Selain itu mereka akan mengikut perayu antara empat hingga lima kali sebulan untuk penyediaan makanan di majlis perkahwinan yang ditempah pelanggan seperti *order bill* ('eksh P31').

[8] Pada hari-hari biasa, mereka bekerja dari pukul 8 pagi hingga 10 malam kecuali jika ada tempahan makanan pagi, mereka akan mulakan tugas pada pukul 4 pagi dan selepas itu mereka akan diberi rehat.

[9] Ketiga-tiga mereka hanya ditugaskan membuat persediaan masakan dan mereka tidak ikut ketempat catering kerana perayu mempunyai pekerja-pekerja tempatan untuk menghidang makanan. Setiap mereka dibenarkan mengambil sarapan pagi pada jam 9 pagi secara bergilir-gilir supaya tidak mengganggu penyediaan makanan. Pada lebih kurang 10 malam mereka habis bekerja dan makan malam bersama keluarga perayu.

[10] Mereka tinggal bersama-sama keluarga perayu dan ditempatkan di dalam satu bilik yang terdapat satu katil *double decker* dan satu katil *king size*. Selain itu terdapat *dressing table*, rak simpan baju dan almari menyimpan pakaian (gambar eksh P5).

[11] Perayu menafikan pernah menghalang mereka menunaikan solat dan berpuasa, malah perayu membeli makanan untuk mereka berbuka puasa. Mereka bebas keluar masuk rumah perayu pada bila-bila masa. Perayu mengakui pernah memukul Atik sahaja di kepala dan bahagian belakang kerana membuat kesilapan memotong sayur tidak mengikut saiz tetapi pukulannya tidak kuat.

[12] Gaji mereka dibayar mengikut perjanjian iaitu RM400 sebulan. Mereka telah bekerja selama 1 1/2 tahun. Perayu tidak menghadapi masalah dengan ketiga pekerja Indonesia tersebut malah sehingga kini mereka masih menelefon bertanya khabar perayu dan keluarga. Perayu ada menerima afidavit daripada Atik Kusmiati dan Manja Yeni (ekshs D34–D35) dan resit ('eksh D33). Perayu juga pernah dituduh merogol salah seorang mereka tetapi sehingga ini tiada pertuduhan dikemukakan terhadapnya. Perhubungan mereka seperti keluarga seperti dalam gambar-gambar D11, D11, D13 dan D14.

[13] Isteri perayu ('SD2') bernama Gunasundary a/p Krishnan menyatakan bahawa hubungannya dengan Atik, Manja dan Fira adalah baik. Mereka tiada masalah tentang makan dan tempat tidur. Tugas mereka memotong sayur, cuci pinggan mangkuk, bersih dapur dan basuh alas meja. Semua mereka beragama Islam di mana mereka diberi kebenaran untuk sembahyang dan puasa. Mereka juga bebas untuk keluar masuk rumah semasa bekerja atau pergi membeli barangan keperluan. SD2 mengakui pernah marah kepada semua pekerja termasuk ketiga mereka apabila mereka membuat perkara yang tidak betul. Mereka ada dipukul tapi bukan secara kuat sebagai ingatan supaya membuat kerja dengan baik. Apabila mereka sakit, mereka akan dibawa ke klinik dan diberikan cuti. Mereka selalu nampak gembira dan bersembang dengan SD2 serta pekerja-pekerja lain.

HUJAHAN PEGUAMBELA PERAYU

[14] Peguambela perayu yang terpelajar secara ringkas telah berhujah seperti berikut:

(a) ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 55B(1) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) tidak berjaya dibuktikan pada tahap kes prima facie. Pertuduhan-pertuduhan tersebut menyatakan bahawa perayu telah mengambil pekerja yang tidak memiliki pas yang sah sedangkan SP5, saksi daripada Jabatan Imigresen mengesahkan bahawa ketiga-tiga penama iaitu Atik, Kusmiati, Firawati dan Manja mempunyai pas yang sah dan pas tersebut membolehkan mereka bekerja di Malaysia. Justeru keterangan ini secara langsung telah menggagalkan ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 55B(1) yang telah dikenakan terhadap perayu;

(b) jika diteliti eksh P21 (jika boleh diambil kira P21 sebagai keterangan terhadap kesalahan di bawah Akta Imigresen), keterangan ketiga-tiga penama tidak mengesahkan bahawa perayu adalah majikan mereka kerana mereka hanya memanggil perayu sebagai 'boss'. Malah penama-penama juga hanya menganggap perayu sebagai ejen mereka dan bukannya majikan (rujuk eksh P21 ms 139–202 rekod rayuan);

(c) inti pati s 55B Akta Imigresen memerlukan pihak pendakwaan membuktikan bahawa perayu adalah majikan dan perayu telah mengambil mereka bekerja di mana pekerja tersebut tidak memiliki pas yang sah. Tidak ada mana-mana keterangan menunjukkan perayu adalah majikan mereka. Jika diteliti pas yang terdapat pada paspot penama-penama tersebut, kecuali penama Atik Kusmiati, nama majikan yang tercatit pada pas bagi kedua-dua penama lain adalah Gunasundary a/p Krishnan dan Shachadibari a/l Angamuthu (rujuk eksh P25A–C ms 208–210 rekod rayuan). Untuk penama Atik Kusmiati, berdasarkan eksh P21 beliau mengesahkan membuat kerja-kerja pembantu rumah untuk perayu. Menurut SP5 penama-penama yang diberikan pas untuk bekerja di Malaysia boleh menukar majikan jika ada persetujuan dengan majikan asal. SP5 tidak boleh mengesahkan bahawa pertukaran majikan ada dibuat dan Gunasundary a/p Krishnan dan Shachadibadi a/l Angamuthu tidak dipanggil untuk menyangkal fakta ini. Justeru wujud kelompongan dalam kes pendakwaan sama ada majikan-majikan asal kedua-dua penama tersebut telah bersetuju agar majikan ditukarkan kepada perayu;

(d) Tuan HMS telah membuat dapatan fakta bahawa pekerjaan yang dilakukan oleh Atik Kusmiati selain daripada pekerjaan *domestic work* iaitu kerja-kerja catering di rumah perayu adalah satu 'illegal activity' dan satu 'penindasan' terhadap penama tersebut (ms 18–19 rekod rayuan). Isu ini dihujahkan bukanlah merupakan inti pati pertuduhan yang harus diambil kira dalam membuat dapatan fakta sama ada pertuduhan di bawah s 55B Akta Imigresen telah berjaya dibuktikan. Tuan HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila meletakkan beban kepada perayu untuk menyangkal kedua-dua isu tersebut sedangkan isu tersebut tidak boleh diambil kira di bawah pertuduhan s 55B Akta Imigresen;

(e) eksh P21 adalah rakaman keterangan penama-penama yang dilakukan di hadapan majistret (SP1) dan (SP2) di bawah peruntukan s 52 Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 ('ATIP') dan bukannya keterangan yang diambil di bawah s 40A Akta Imigresen yang memerlukan tersebut diambil dalam bentuk deposisi. Dihujahkan bahawa peruntukan di bawah s 52 ATIP hanya membenarkan kemasukan keterangan mana-mana penama tersebut sebagai bukti keterangan terhadap prosiding yang melibatkan pertuduhan kesalahan di bawah Akta ATIP

dan bukannya di bawah kesalahan atau prosiding yang melibatkan Akta-Akta lain. ATIP merupakan satu akta spesifik yang menjurus kepada kesalahan-kesalahan yang melibatkan pemerdagangan orang dan bukannya kesalahan mengambil pekerja yang tidak mempunyai pas yang sah;

(f) keterangan ketiga-tiga penama di dalam kes ini seperti mana eksh P21 jelas bercanggah 'In material particular' di antara satu sama lain. Tuan HMS telah gagal untuk menilai percanggahan keterangan yang telah diberikan oleh setiap penama tersebut dan telah gagal untuk menilai kredibiliti keterangan penama-penama tersebut 'in the light of the demeanor that was recorded' beberapa kali oleh tuan majistret yang mendengar dan melihat audio visual advantage keterangan mereka. Pihak pendakwaan telah gagal untuk mendapatkan penjelasan daripada SP1 dan SP2 berkenaan dengan 'recording of the demeanor of the witnesses that had testified'. Bahkan report polis yang dibuat penama-penama tersebut bukanlah report polis yang dibuat oleh mereka sendiri tetapi dibantu oleh ADUN Kawasan Buntung, Siva Subramaniam, ADUN tersebut tidak dipanggil untuk memberi keterangan untuk menyangkal fakta ini. Repot polis tersebut tidak menyatakan bahawa wujudnya sebarang paksaan atau mereka telah bekerja dengan perayu bukan atas alasan kerelaan diri mereka sendiri. Repot tersebut tertumpu lebih kepada tohmahan bahawa perayu memaksa untuk tidur dengan beliau jika mahu gaji dan berkenaan mereka ada dipukul. Namun SP6, pegawai penyiasat jelas menyatakan isu berkenaan tidur/rogol atau dipukul tiada sebarang bukti;

(g) Tuan HMS telah gagal untuk mengambil kira percanggahan keterangan eksh P21 dengan kedua-dua eksh D34–D35. Tidak disangkal bahawa kedua-dua ekshibit tersebut adalah afidavit yang dibuat oleh Atik Kusmiati dan Manja Yeni. Justeru dengan keterangan D34 dan D35 secara langsung membuktikan bahawa kedua-dua penama tersebut bukanlah saksi yang *credible* 'to which the allegation made against the perayu from the very beginning is in grave doubt';

(h) ketiga-tiga pekerja India yang bekerja dengan perayu telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan telah gagal diperolehi meskipun ianya diminta oleh pihak pembelaan untuk dipanggil. Keterangan mereka adalah material untuk menyokong atau *contradict* keterangan yang diberikan dalam eksh P21. Tidak ada keterangan yang dibawa untuk menunjukkan mengapa tiga saksi tersebut tidak dapat dikemukakan untuk dipanggil memberi keterangan;

(i) Tuan HMS telah gagal menilai rayuan (mitigasi perayu) dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen. Tidak ada di mana-mana dalam alasan penghakiman menunjukkan Tuan HMS telah mengambil kira faktor-faktor mitigasi;

(j) pihak pendakwaan bergantung kepada 'exploitasi' untuk membuktikan kes di bawah s 12 ATIP. Sekiranya 'exploitasi' membawa maksud 'forced labour or services, slavery or practices similar to slavery' adalah dihujahkan tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa penama-penama telah dipaksa bekerja 'against their will' atau telah menjalankan tugas yang tidak diingini oleh mereka. Tidak ada mana-mana dalam eksh P21 yang menunjukkan bahawa penama tersebut telah dipaksa dan/atau diugut secara kekerasan untuk melakukan kerja-kerja yang telah dipersetujui mereka. Malah tiada mana-mana dalam P21 yang menunjukkan bahawa penama-penama tersebut adalah merupakan hamba abdi kepada perayu. Eksbit D34–D35 membuktikan sebaliknya;

(k) Tuan HMS telah memberikan penggantungan penuh kepada isu tidak dibayar gaji sebagai pembuktian 'forced labour or services, slavery or practices similar to slavery'. Bahkan Tuan HMS menerima pakai hujahan pihak pendakwaan yang menyatakan bahawa perbuatan perayu adalah satu perlanggaran peruntukan undang-undang buruh khususnya ss 10, 18, 19, 60A dan 60K Akta Pekerja 1955. Dalam ketiga-tiga pertuduhan itu perlanggaran peruntukan di bawah Akta Pekerja 1955 tidak ada dinyatakan atau menjadi inti pati pertuduhan;

(l) Tuan HMS telah membuat dapatan fakta bahawa inti pati pertuduhan 'exploitasi' telah dibuktikan kerana wujud 'illegal activity' apabila perayu dikatakan telah melanggar atau memungkiri:

(i) janji atau tawaran asal pekerjaan oleh OKT kepada SP1–SP3 yang berbeza dengan kerja sebenar yang dilakukan oleh mereka;

(ii) perlanggaran peruntukan undang-undang buruh; dan

(iii) perlanggaran kepada undang-undang dan peraturan imigresen.

Adalah dihujahkan bahawa ketiga-tiga pertuduhan tersebut tidak menyatakan perayu melakukan 'exploitasi' terhadap tiga penama atas perkara (i)–(iii) di atas; dan

(m) hukuman yang diberikan oleh Tuan HMS terlalu aksesif dan tidak bersesuaian dengan fakta kes ini.

HUJAHAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA

[15] Timbalan pendakwa raya terpelajar menghujahkan seperti berikut:

(a) eksh P21 iaitu rakaman percakapan mangsa SP1–SP3 di bawah s 52(6) ATIP boleh diguna pakai untuk membuktikan pertuduhan di bawah s 55B Akta Imigresen. Tiada mana-mana peruntukan dalam ATIP yang

menghadkan penggunaan keterangan di bawah s 52 ATIP untuk diguna pakai dalam kesalahan di bawah ATIP sahaja; A

(b) pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie keatas perayu apabila berlaku penyalahgunaan pas lawatan yang diberikan kepada penama-penama. Tujuan pas adalah 'pembantu rumah' dan bukan sebagai pekerja di dalam syarikat catering milik perayu. Kerja-kerja memotong sayur dan mencuci pinggan mangkuk adalah untuk kerja-kerja catering bukan sebagai kerja pembantu rumah yang secara spesifik adalah pembantu rumah majikan, menjaga rumah dan anak-anak majikan; B C

(c) perayu adalah majikan penama-penama walaupun tiada *contract of service* di antara mereka kerana secara lisan penama-penama bersetuju bekerja dengan perayu sebagai pembantu rumah dengan bayaran gaji sebanyak RM400 setiap bulan; D

(d) keterangan saksi-saksi secara keseluruhan membuktikan terdapatnya unsur-unsur eksploitasi perayu ke atas penama-penama. Pertuduhan di bawah s 12 ATIP tidak memerlukan pihak pendakwaan membuktikan 'isu keceraan' penama-penama. Justeru, sama ada penama-penama bersetuju atau rela untuk melakukan sesuatu kerja adalah tidak relevan (rujuk s 16 ATIP). Dalam kes ini penama-penama telah dijanjikan oleh perayu untuk bekerja sebagai pembantu rumah tetapi telah dieksploitasi untu melakukan kerja-kerja memasak, memotong sayur dan membasuh peralatan untuk tujuan perniagaan catering untuk perayu. Kerja-kerja *catering* yang dilakukan itu tersirat 'paksaan' (*forced labour or services*); E F

(e) pengemukaan D34–D35 adalah dicabar kerana tidak dikemukakan melalui pihak yang membuat afidavit tersebut. Ini berbeza dengan rakaman percakapan eksh P21 yang melalui proses pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula oleh pihak-pihak. Pihak pembelaan gagal memanggil penama-penama untuk mengesah atau memberi keterangan berkaitan affidavit D34–D35 tersebut. Oleh itu afidavit-afidavit tersebut adalah bersifat 'hearsay' dan harus ditolak atas kegagalan mematuhi kehendak s 32 Akta Keterangan 1950; G H

(f) penama-penama bukanlah rakan sejenayah dengan perayu kerana mereka adalah pihak yang dilindungi di bawah s 33 ATIP;

(g) tiga saksi warganegara India yang ditawarkan gagal dikemukakan walaupun usaha mengesan mereka telah dibuat melalui semakan rekod Jabatan Imigresen. Perayu mengetahui tiga saksi tersebut telah melarikan diri namun berdiam diri dari membantu mahkamah dan tetap memilih untuk memanggil mereka sebagai saksi: Ini menunjukkan mala fide dipihak perayu. Justeru s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai I

khususnya pihak pendakwaan tidak pernah menyembunyikan apa-apa fakta tentang kewujudan pekerja-pekerja India bersama penama-penama; dan

(h) Tuan HMS telah mengambil pertimbangan terhadap prinsip penghukuman seperti mana dinyatakan dalam alasan penghakiman di ms 27–28. Justeru hukuman yang dijatuhkan bagi kesemua enam pertuduhan tersebut adalah bersesuaian dan menepati kepentingan awam.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Isu pertama

Sama ada inti pati (i) dan (iii) bagi ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 55B(1) Akta Imigresen telah dibuktikan (rujuk kes *Sia Soon Suan v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 116 (FC), *Public Prosecutor v Lee Jun Ho & Ors* [2009] 3 MLJ 400; [2009] 4 CLJ 90).

[16] Inti pati-inti pati pertuduhan di bawah s 55B(1) Akta Imigresen yang perlu dibuktikan ialah:

(a) OKT mengambil kerja/menggajikan orang;

(b) pekerja itu bukan seorang warganegara; dan

(c) pekerja itu tidak memiliki satu pas yang sah

[17] Adalah jelas berdasarkan eksh P25A–C (ms 208–210 rekod rayuan) nama majikan Firawati ialah Gunasundary a/l Krishnan, manakala majikan Manja Yani adalah Shachadibadi a/l Argamuthu. Majikan Atik pula adalah perayu. Dalam kes penama Firawati dan Manja Yeni, SP5 menjelaskan bahawa penama-penama tersebut yang telah diberikan pas bekerja di Malaysia boleh menukar majikan jika adanya persetujuan dengan majikan asal tersebut. Walau bagaimanapun SP5 tidak dapat mengesahkan sama ada kedua-dua penama tersebut ada membuat pertukaran majikan. Pihak pendakwaan perlu memanggil Gunasundary a/p Krishnan dan Shachadibadi a/l Angamuthu bagi memberi penjelasan mengenai siapa majikan kedua-dua penama tersebut pada masa material. Kegagalan berbuat demikian, menyebabkan satu inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 berbangkit terhadap kes pendakwaan dan secara langsung menimbulkan satu keraguan yang munasabah dalam kes ini.

[18] Kesemua tiga pertuduhan di bawah s 55B(1) Akta Imigresen merujuk kepada 'telah didapati mengambil pekerja yang tidak memiliki pas yang sah'.

[19] Pada hakikatnya, berdasarkan keterangan SP5, iaitu Penolong Pengarah Imigresen Ipoh, semua penama-penama yang dinyatakan dalam pertuduhan memang mempunyai pas lawatan sebagai pembantu rumah yang sah dan berkuat kuasa pada masa material.

[20] Tuan HMS membuat dapatan fakta bahawa walaupun ketiga-tiga penama mempunyai pas lawatan sebagai pembantu rumah yang sah namun majikan telah melanggar syarat-syarat yang terkandung dalam pas tersebut menyebabkan pas tersebut menjadi tak sah. Seksyen 55B(2) menyatakan:

> A pass lawfully issued to any person shall cease to be a valid pass when any of its items and conditions is contravened.

[21] Mahkamah berpendapat pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa penama Manja Yeni dan Firawati telah melakukan tugas-tugas sebagai pekerja perayu dan majikan mereka adalah perayu. Oleh itu anggapan di bawah s 55(4) Akta Imigresen tidak dapat diaktifkan seperti mana yang telah diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Seng Huat* [1968] 2 MLJ 168:

> Now as a matter of law a presumption is a statutory invention that upon proof of a fact on inference of another fact can be drawn.

[22] Tuan HMS juga telah membuat dapatan fakta bahawa pekerjaan yang dilakukan oleh Atik Kusmiati selain pekerjaan *domestic* iaitu kerja-kerja *catering* di rumah perayu adalah satu 'illegal activity' dan satu 'penindasan' terhadap penama tersebut. Mahkamah berpendapat Tuan HMS telah terkhilaf apabila memasukkan bukan inti pati pertuduhan yang harus diambil kira di bawah s 55B Akta Imigresen dan meletakkan beban kepada perayu untuk menyangkal kedua isu tersebut. Mahkamah ini memutuskan bahawa dapatan fakta Tuan HMS tersebut telah menyimpang dari prinsip undang-undang (rujuk kes *Alcontara a/l Ambrose Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209).

Isu kedua

Sama ada rakaman percakapan (P21) yang diambil di bawah s 52(6) Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('ATIP') boleh diterima masuk sebagai keterangan bagi menyokong kes pendakwaan di bawah s 55B Akta Imigresen.

[23] Fakta adalah jelas bahawa rakaman percakapan penama-penama ('eksh P21) diambil di hadapan majistret (SP1–SP2) di bawah s 52 ATIP dan bukannya keterangan yang diambil di bawah s 40A Akta Imigresen yang memerlukan keterangan tersebut diambil dalam bentuk deposisi. Seksyen 52(6) ATIP menyatakan:

> Walaupun apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, *keterangan yang dirakamkan di bawah seksyen ini hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini* dan berat yang dikatakan pada keterangan itu hendaklah sama sebagaimana seorang saksi yang hadir dan memberi keterangan dalam suatu prosiding.

[24] Mahkamah berpendapat bahawa s 52 ATIP hanya membenarkan kemasukan keterangan penama-penama tersebut sebagai bukti keterangan terhadap prosiding yang melibatkan pertuduhan di bawah Akta ATIP sahaja dan bukannya di bawah kesalahan atau prosiding yang melibatkan Akta-Akta lain. Tuan HMS telah terkhilaf apabila membuat dapatan fakta bahawa pihak pendakwaan boleh bergantung kepada eksh P21 yang dirakam menurut s 52 ATIP kerana seksyen tersebut tidak mempunyai perkataan 'only/hanya'.

[25] Pada pendapat mahkamah ATIP bukanlah satu 'general act to which all other act' perlu mengikuti peruntukan di bawah A÷kta tersebut jika wujudnya *lacuna*. ATIP berlainan dengan Kanun Acara Jenayah yang mana peruntukan di bawah KPJ tersebut boleh diguna pakai sebagai undang-undang prosedur umum untuk kesalahan di bawah Akta-Akta spesifik. Manakala s 40A Akta Imigresen adalah suatu peruntukan khas yang memberi kuasa kepada pihak pendakwaan untuk mengambil deposisi saksi-saksi di bawah sebarang kesalahan Akta Imigresen dan bukannya peruntukan yang boleh digunakan di bawah Akta ATIP. Ini jelas dari perkataan yang digunakan di dalam s 40A Akta Imigresen iaitu 'in any proceeding for any offence under this Act'.

[26] Seterusnya Tuan HMS dalam mengukuhkan dapatannya atas isu ini telah merujuk kepada s 5 ATIP yang menyatakan:

> 5(1) The provision of this Act shall be in addition to, and not in derogation of the provisions of any other written law relating to trafficking in persons.

Adalah jelas dapatan Tuan HMS telah menyimpang daripada niat Parlimen apabila menyamakan Akta Imigresen dengan ATIP.

Akta Imigresen 'is not in relation to the laws of human trafficking'.

Tiada mana-mana peruntukan dalam Akta Imigresen yang menyatakan bahawa Akta tersebut dibuat untuk membanteras atau mencegah pemerdagangan orang. Malah ketiga-tiga pertuduhan di bawah ATIP tidak menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan ada kena mengena dengan perlanggaran peruntukan atau kesalahan di bawah Akta Imigresen.

[27] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah menolak eksh P21 untuk diterima masuk sebagai keterangan menyokong pertuduhan di bawah s 55B Akta Imigresen (rujuk kes *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ

137, *Krishnan v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 292, *Public Prosecutor v Muhammad Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576 di ms 600).

[28] Seterusnya mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie bagi ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 55B Akta Imigresen.

Dengan itu rayuan perayu dibenarkan dan perayu dilepas dan dibebaskan.

Isu ketiga

Sama ada unsur-unsur eksploitasi seperti *forced labour or services, or slavery* telah dibuktikan di bawah s 12 ATIP.

[29] Perayu menghadapi tiga pertuduhan di bawah s 12 ATIP di mana ketiga-tiga pertuduhan tersebut menyatakan:

> … Telah didapati memperdagangkan orang yang bukan merupakan kanak-kanak bagi maksud exploitasi terhadap Oleh yang demikian telah melakukan kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

[30] Pihak pendakwaan perlu membuktikan ketiga-tiga inti pati asas iaitu:

(a) perayu di antara 23 Oktober 2007 hingga 2 Jun 2009 bertempat di No 118, Lorong 4, Taman Headwood, Sungai Siput Utara, Negeri Perak telah memperdagangkan tiga penama tersebut;

(b) ketiga penama tersebut bukan merupakan kanak-kanak; dan

(c) perayu telah memperdagangkan penama-penama tersebut bagi maksud ekploitasi seperti mana diperuntukkan di bawah s 2 ATIP.
Definisi 'eksploitasi' di bawah s 2 ATIP menyatakan:

> 'exploitasi' means all form of sexual exploitation forced labour or services, slavery or practices similar to slavery, servitude, any illegal activity or the removal of human organs;

[31] Merujuk kepada pertuduhan, adalah jelas pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu tidak menyatakan atau menerangkan apakah maksud atau bentuk eksploitasi yang telah atau ingin dilakukan oleh perayu dalam kes ini. Mahkamah berpendapat definisi tersebut membahagikan exploitasi kepada beberapa kesalahan yang berasingan yang memerlukan pihak pendakwaan menjelaskan kesalahan yang dilakukan.

[32] Dalam konteks kes ini, apa yang boleh difahami, ialah bahawa pihak pendakwaan cuba bergantung kepada definisi eksploitasi yang membawa maksud 'forced labour or services, slavery or practices similar to slavery'.

[33] Mahkamah berpendapat tiada di mana-mana di dalam eksh P21 yang menunjukkan bahawa penama-penama tersebut telah dipaksa atau diugut secara kekerasan supaya melakukan kerja-kerja yang telah dipersetujui mereka. Tuan HMS menerima fakta bahawa penama-penama tidak dibayar gaji sebagai pembuktian 'forced labour or services, slavery or practices similar to slavery'. Malah Tuan HMS membuat dapatan fakta bahawa kegagalan membayar gaji merupakan suatu perlanggaran di bawah ss 10,18, 19 60A dan 60K Akta Perkerja 1955. Pada pendapat mahkamah, isu perlanggaran di bawah Akta Pekerja 1955 bukanlah termasuk dalam inti pati pertuduhan.

[34] Mahkamah berpendapat bahawa tuan HMS telah gagal membuat pertimbangan kehakiman (*judicial appreciation*) atas eksh P2 dan eksh D34–D35. Ekshibit D34 adalah afidavit yang diikrar oleh Atik Kusmiati dan D35 afidavit yang diikrar oleh Manja Yeni. Berdasarkan eksh D34, D35, apa yang dinyatakan di dalam P21 jelas wujudnya percanggahan secara material. Berdasarkan eksh D34–D35 adalah secara langsung membuktikan bahawa kedua-dua penama tersebut bukanlah saksi yang *credible* yang menjurus kepada alegasi mereka terhadap perayu amat meragukan (rujuk kes *Public Prosecutor v Rajandran a/l Kadirveil* [2002] 7 MLJ 77)

Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa kesemua penama-penama tersebut 'berada dalam kategori saksi-saksi 'neither wholly reliable nor wholly unreliable'.

Justeru, mahkamah berpendapat bahawa Tuan HMS seharusnya mengambil kira keterangan saksi-saksi pendakwaan tersebut dengan berhati-hati atau menganggap penama-penama tersebut sebagai *particeps criminis* (rujuk kes *Goh Chong Ying v Public Prosecutor* [1989] 2 MLJ 340, *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389).

[35] Pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan tiga saksi pekerja India yang bekerja dengan perayu. Keterangan tiga saksi tersebut adalah material sama ada untuk menyokong atau *contradict* keterangan yang diberikan oleh tiga penama tersebut. Tiada bukti menunjukkan 'reasonable effort that was taken by the prosecution/police to locate these witnesses'. Malah pihak pendakwaan juga tidak menawarkan rakaman percakapan mereka memandangkan saksi-saksi tersebut tidak dapat dikesan (rujuk s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950). Dengan itu inferens yang bertentangan di bawah s 114(g) Akta keterangan telah ditimbulkan dalam kes ini atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi tersebut.

[36] Sebagai rumusan, mahkamah berpendapat pertuduhan di bawah s 12 ATIP adalah cacat atas kegagalan pihak pendakwaan menyatakan salah satu kesalahan yang tergolong di bawah maksud 'exploitasi' kecacatan ini telah menyebabkan 'a substantial miscarriage of justice' dan tidak boleh dipulihkan

di bawah s 422 Kanun Acara Jenayah.

KESIMPULAN

[37] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah diputuskan bahawa rayuan perayu atas sabitan bagi semua enam pertuduhan dibenarkan. Dengan itu keputusan Tuan HMS k eatas sabitan dan hukuman diketepikan.

Rayuan dibenarkan dan sabitan dan hukuman diketepikan.

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan